


1 - 15 MAC, 2025

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Restorasi Muzium Feri Pulau Pinang lancar




ILUSTRASI Muzium Feri Pulau Pinang yang sedang dibangunkan.

**KERJA-KERJA** mewujudkan Muzium Feri setakat ini mencapai 70 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mac 2025.

Demikian respons Ketua Pegawai Eksekutif Printhero Merchandise Sdn. Bhd., **ABDUL HADI ABU OSMAN** kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **SIEW CHIA EN** dalam tinjauan lapangan yang dibuat pada 15 Januari 2025.

"Feri masih di kawasan gudang dan ditarik ke *Tanjong Marina City* pada Februari 2025…dijangka siap pada bulan Mac.

"Kami jangka feri akan dibuka secara rasmi pada penghujung bulan Mac atau April (yang mana) tarikh pembukaan akan diumumkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang," jelasnya.

Abdul Hadi memberitahu bahawa syarikat *Printhero Merchandise Sdn. Bhd. (Printhero Merchandise)* ketika ini sedang dalam proses menaik taraf *'hull'* feri supaya kejadian feri dimasuki air tidak berulang lagi.

"Selain itu, pihak kontraktor masih dalam proses menyiapkan binaan di bahagian utama *'deck'* dan *'upper deck'*," ujarnya.

Bercerita lanjut, beliau turut berkongsi cabaran paling utama di sebalik kerja-kerja restorasi Feri Pulau Pinang yang dinanti-nantikan ramai pihak belakangan ini.

"Cabaran utama yang kami hadapi adalah kondisi feri itu sendiri yang telah berusia.




**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika mengadakan lawatan ke lokasi yang menempatkan feri yang direstorasi sebagai muzium.**

"Proses restorasi memakan masa yang panjang dan proses selenggara perlu dilakukan secara berkala (yang mana) ia menelan belanja yang sangat besar," ulasnya.

Walaupun pelbagai cabaran perlu didepani dalam kerja-kerja restorasi feri tersebut ketika ini, Abdul Hadi menyatakan bahawa pihaknya percaya ia berbaloi kerana akan menjadi mercu tanda tarikan baharu bagi sektor pelancongan negeri Pulau Pinang, kelak.

*(Sambungan di muka 13).*

# 30 tahun tertangguh kadar cukai tanah disemak

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**KERAJAAN** Negeri Pulau Pinang akan menguatkuasakan kadar cukai tanah baharu termasuk pengkelasan tanah desa kepada bandar pada 1 Januari 2026.

Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Pulau Pinang, **DR. FAIZAL KAMARUDIN** berkata bahawa semakan semula kadar cukai tanah dilakukan selepas mengambil kira rekod semakan terakhir yang dibuat 30 tahun lalu iaitu pada 1994.

Menurut beliau, semakan cukai perlu dilakukan bagi meningkatkan hasil Kerajaan Negeri memandangkan cukai merupakan antara penyumbang terbesar kepada hasil negeri Pulau Pinang.

"Semakan cukai yang tidak dibuat selama 30 tahun menyebabkan kutipan hasil cukai tanah bagi negeri Pulau Pinang tidak berkembang.

"Sebaliknya, nilai tanah di Pulau Pinang telah meningkat dengan amat tinggi dalam tempoh ini sehingga ada lokasi-lokasi yang menyaksikan peningkatan sebanyak 1,000 peratus yang sebenarnya memberi kesan positif kepada ramai pemilik tanah.

"Pada masa ini, Kerajaan Negeri masih meneliti cadangan kadar cukai bersesuaian agar tidak membebankan rakyat tetapi pada masa sama mampu membantu meningkatkan hasil negeri," katanya dalam wawancara khas bersama Buletin Mutiara dekat Pejabat PTG Pulau Pinang di Komtar pada 2 Februari 2025.

## Elak ketirisan kutipan hasil

Faizal menyatakan bahawa pelaksanaan semakan kadar cukai juga adalah untuk memberi peluang kepada pentadbiran tanah mengemas kini maklumat cukai tanah di bawah sistem e-Tanah.

"Sistem e-Tanah dilihat mampu membantu menyelaras semula kadar cukai tanah untuk seluruh negeri Pulau Pinang berdasarkan lokasi, kegunaan dan pematuhan syarat tanah oleh pemilik hartanah.

"Sebagai contoh, tanah yang mempunyai syarat nyata *First Grade* umumnya tidak perlu melalui proses tukar syarat jika ingin dimajukan dan tidak tertakluk di bawah kelulusan Seksyen 124 Kanun Tanah Negara.

"Mengambil kira faktor pembangunan serta sosioekonomi setempat dalam tempoh 30 tahun ini, kadar cukai tanah bagi *First Grade* pada masa kini tidak dikenakan pada kadar sepatutnya, sekali gus menyebabkan ketirisan dalam kutipan hasil cukai negeri," jelasnya.

Menurut beliau, sebanyak 373,777 hak milik tanah yang berdaftar di negeri ini akan terlibat dalam proses semakan cukai tanah.

"Daripada jumlah ini, sebanyak 194,362 hak milik adalah tanah berstatus *First Grade* yang mewakili 51.99 peratus daripada pemilikan tanah di negeri ini.

"Semakan cukai tanah akan melibatkan semua kategori termasuk bangunan seperti kediaman dan komersial, perindustrian atau perusahaan serta tanah pertanian," jelasnya lanjut.

## Tidak melibatkan hak milik strata

Mengulas lanjut, Faizal memberitahu bahawa semakan semula kadar cukai tidak akan melibatkan hak milik strata yang kini mencecah 300,000 pemilik di negeri ini.

"Pemilik strata terkesan hanya yang terlibat dalam proses pengkelasan dari kawasan desa kepada bandar seperti Seberang Jaya, Bayan Lepas, Padang Tembak dan lain-lain.

"Hal ini kerana menurut Akta Hakmilik Strata 1985, semakan kadar tidak boleh dilaksanakan kurang dari tempoh 10 tahun daripada semakan terakhir iaitu pada tahun 2019.

"Ini bermakna hampir 300,000 pemilik strata di negeri ini tidak akan terkesan terhadap proses semakan cukai tanah pada Januari 2026," ujarnya lanjut.

Faizal berkata, semua pemilik tanah boleh menyemak kadar baharu cukai tanah masing-masing mulai 1 Januari 2026 sama ada secara dalam talian melalui portal PGLand atau secara fizikal di kaunter Pejabat Tanah yang berhampiran.

"Pemilik-pemilik tanah dan petak juga akan menerima bil cukai masing-masing seperti biasa mulai Januari 2026.

"Justeru, semua pemilik tanah dan petak strata dapat menyemak dan mengemas kini alamat surat-menyurat dan nombor telefon untuk dihubungi pada bil cukai masing-masing," ulasnya.




DR. Faizal Kamarudin.



# Pesta Pulau Pinang

## rai nilai budaya, perpaduan serta inovasi

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**



TUN Ahmad Fuzi Abdul Razak diiringi isteri, Toh Puan Khadijah Mohd. Nor dan Ketua Menteri ketika menyempurnakan Majlis Perasmian Pesta Pulau Pinang 2024/2025 dekat Tapak Pesta Sungai Nibong di sini baru-baru ini.

**BAYAN LEPAS –** Tahun 2025 berkemungkinan menyaksikan penganjuran edisi terakhir Pesta Pulau Pinang memandangkan Tapak Ekspo Sungai Nibong di sini terlibat dalam projek Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang, Laluan Mutiara.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa semua pihak seharusnya melihat cadangan projek pembangunan rel awam moden darat tersebut sebagai satu langkah ke hadapan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang lebih maju dan efisien.

Beliau yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi berkata demikian semasa berucap dalam Majlis Perasmian Pesta Pulau Pinang 2024/2025 di sini pada 7 Januari lalu.

"Sebagai keluarga besar Pulau Pinang, semangat dan tujuan penganjuran Pesta Pulau Pinang tidak pernah pudar walaupun lokasi penganjuran tidak lagi sama (pada masa hadapan).

"Pesta Pulau Pinang bukan hanya sekadar mengenai lokasi, sebaliknya ia adalah gambaran keterbukaan masyarakat di negeri ini sebagai komuniti yang senantiasa meraikan nilai kekeluargaan, budaya, perpaduan serta inovasi," jelasnya.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan itu lagi, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM4.5 juta bagi tujuan pengendalian acara pesta tahunan negeri tersebut.

"Peruntukan ini turut merangkumi kos operasi, penyelenggaraan dan pembaikan infrastruktur serta kerja-kerja penambahbaikan berkaitan," jelasnya.

Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak dengan diiringi isteri, Toh Puan Khadijah Mohd. Nor hadir menyempurna acara perasmian, menambah lagi seri pada majlis pembukaan pesta pada malam tersebut.

Turut hadir, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Law Choo Kiang dan isteri, Datin Seri Teoh Hui Tuang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid dan isteri, Datin Noraini Abd. Jalil; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Zulkifli Long dan isteri, Datin Faziah Johari dan Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zabidah Safar.






## Tarik kehadiran ratusan ribu pengunjung

**JIKA** berkunjung ke Pulau Mutiara, tidak lengkap rasanya kalau tidak membawa seisi keluarga menikmati kemeriahan di Pesta Pulau Pinang.

Pesta yang berlangsung mulai 21 Disember 2024 sehingga 2 Februari 2025 menyediakan sebanyak 44 program termasuk program kekeluargaan, sukan dan riadah selain persembahan kebudayaan dan hiburan oleh lebih 40 artis terkenal tanah air.

Pengunjung juga berpeluang menikmati pelbagai juadah enak serta membeli-belah aneka barangan seperti pakaian, permaidani, permainan dan banyak lagi

Difahamkan, kesemua 162 lot perniagaan yang disediakan di Tapak Pesta telah diisi oleh usahawan baik dari dalam mahupun luar negeri.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar, **SITI NURATIKAH RAHMAT** berpeluang mendapatkan respons umum tentang sambutan Pesta Pulau Pinang sempena penganjuran edisi terakhir dekat Tapak Ekspo Sungai Nibong.

Menurut salah seorang petugas di tapak Pesta Pulau Pinang, **SHEIKH MUHAMMAD HAZWAN S. A. TAJUDDIN**, sambutan yang diterima pada tahun ini sangat baik memandangkan ramai yang tahu penganjuran di (tapak pesta) merupakan edisi yang terakhir.

"Setakat 26 Januari 2025, Pesta Pulau Pinang telah menerima kehadiran lebih 297,936 pengunjung dengan kutipan tiket sebanyak RM1,489,680.

**MUHAMMAD ZAINUDDIN BAHARUDIN** pula menyatakan bahawa sekitar pukul 7 petang dan ke atas pengunjung mula berpusu-pusu beratur membeli tiket masuk.

*(Sambungan di muka 5).*



**MUHAMMAD Zainuddin Baharudin.**

# Kolam Renang DSA Seberang Jaya DIBUKA



KETUA Menteri melawat keadaan kolam renang yang baru siap dinaik taraf.



ANTARA kemudahan yang disediakan.

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA -** Kolam Renang D Swim Academy (DSA) Seberang Jaya kembali beroperasi mulai 14 Januari lalu selepas lebih empat tahun ditutup kepada umum untuk kerja-kerja penaiktarafan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa projek penaiktarafan melalui usaha sama pihak kerajaan dan swasta tersebut telah memberi impak positif kepada pembangunan masyarakat setempat khususnya di kawasan Seberang Jaya.

Menurut beliau, penaiktarafan kolam renang yang kini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan baharu itu turut membantu memantapkan lagi pembangunan sukan serta atlet renang dalam jangka masa panjang.

"Kolam renang ini akan memberikan peluang kepada masyarakat setempat untuk aktiviti riadah bagi semua kategori umur.

"Saya dimaklumkan bahawa DSA juga akan menyediakan program akademi yang bakal memberi peluang kepada anak muda serta belia untuk mengambil peluang menerokai bidang sukan renang.

"Usaha ini adalah bertepatan dengan Tema A Visi Penang2030 iaitu meningkatkan daya huni bagi menambah baik kualiti kehidupan, khususnya di bawah inisiatif strategik A4, mempelbagaikan kemudahan rekreasi, sukan, seni dan budaya," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Kolam Renang DSA Seberang Jaya di sini 23 Januari lalu.

Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam merangkap Timbalan Presiden Persatuan Renang Amatur Pulau Pinang, Joseph Ng Soon Siang; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Baderul Amin Abdul Hamid dan Pengasas dan Pengarah DSA Sdn. Bhd., Cyrena Yong antara yang turut hadir.

Sementara itu, Cyrena Yong berkata bahawa projek menaik taraf yang menelan kos RM5.5 juta tersebut menandakan pembaharuan yang bukan sahaja memberikan manfaat kepada perenang tetapi juga komuniti setempat serta generasi akan datang.

Menurutnya, kolam renang tersebut kini dilengkapi dengan kemudahan baharu termasuk bumbung, tandas, bilik persalinan keluarga, gimnasium, pagar anti panjat, ruang rehat, parkir serta laluan untuk orang kurang upaya (OKU) dan kamera litar tertutup (CCTV) pintar.

Difahamkan, caj masuk ke Kolam Renang DSA Seberang Jaya adalah sebanyak RM3.25 sen termasuk cukai, manakala kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah (RM1.60) serta percuma kepada golongan OKU dan warga emas.

Waktu operasi Kolam Renang DSA Seberang Jaya adalah Selasa hingga Khamis (empat sesi), Jumaat (tiga sesi) serta Sabtu dan Ahad (enam sesi) dan ditutup pada hari Isnin.

## Kejayaan hasil komitmen dan dedikasi tinggi

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**GEORGE TOWN -** Pelbagai kejayaan penting yang dicapai oleh Pulau Pinang sepanjang tahun 2024 membuktikan negeri ini sedang bergerak ke arah kemajuan yang lebih cemerlang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pencapaian tersebut telah mencerminkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial yang memberangsangkan bagi negeri Pulau Pinang.

Beliau berkata, Pulau Pinang berjaya menarik pelaburan sebanyak RM31.38 bilion dan dijangka mewujudkan lebih 6,600 peluang pekerjaan, terutamanya dalam sektor pembuatan bernilai tinggi, perkhidmatan termaju serta pertanian moden.

Tambahnya, Pulau Pinang turut mencatatkan kadar pematuhan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ketiga tertinggi di Malaysia sebanyak 99.15 peratus, di samping muncul sebagai hab pelancongan perubatan terkemuka di Asia Tenggara.

"Malah pada Disember 2024, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah menandatangani perjanjian bersama dengan *SkyWorld Development Berhad* untuk membangunkan 37,300 unit rumah mampu milik di bawah inisiatif 'Bakat Baru Madani' yang mana projek ini merupakan salah satu pencapaian terbesar dalam sejarah pembangunan perumahan mampu milik dalam negara.

"Namun, kejayaan demi kejayaan ini hanyalah permulaan dan menjadi harapan saya untuk melihat Pulau Pinang terus menjadi pusat kecemerlangan ekonomi dan teknologi dengan memperkukuh kedudukan sebagai hab pelaburan berteknologi tinggi serta destinasi pilihan pelabur global.

"Di samping itu, saya juga mahu melihat Pulau Pinang dinobatkan sebagai sebuah negeri hijau, sihat dan selamat untuk membina keluarga dengan komuniti yang berilmu serta mampan," kata Kon Yeow ketika berucap pada majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Pulau Pinang tahun 2025 dekat Dewan Sri Pinang di sini pada 7 Januari lalu.

Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menyatakan bahawa semua kejayaan tersebut adalah hasil daripada komitmen serta dedikasi tinggi telah ditunjukkan oleh penjawat awam yang merupakan tunjang kepada pentadbiran negeri.

"Justeru, saya ingin menyeru kepada semua penjawat awam untuk terus memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat.

"Jadikanlah pencapaian tersebut sebagai inspirasi untuk terus melangkah lebih jauh dan berusaha lebih gigih.

"Saya percaya penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan juga amat bergantung kepada sikap, komitmen, inovasi dan produktiviti penjawat awam dalam menjalankan tugas.

"Pesanan ini bukan sahaja ditujukan kepada penjawat awam, malah saya mohon agar anggota pentadbiran, ADUN dan Ahli Parlimen turut menghayati dan mengadaptasikan ciri-ciri penyampaian perkhidmatan yang profesional serta progresif," ulasnya lanjut.

Sementara itu, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Zulkifli Long ketika berucap menyatakan bahawa penjawat awam merupakan bahagian penting dalam "enjin ekonomi" negeri.

Justeru, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) akan menganjurkan sebuah bengkel yang dirancang dengan teliti untuk mengupas secara mendalam, menganalisis dengan teliti dan mengaplikasikan secara berkesan inisiatif Reformasi Karenah Birokrasi (RKB) ke dalam pentadbiran negeri.

"Saya percaya hasil yang dicapai daripada inisiatif berkaitan akan memberikan memberikan manfaat kepada semua pihak," ujarnya.



PENJAWAT awam mendengar amanat yang disampaikan oleh Ketua Menteri sempena Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Pulau Pinang dekat Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

(Sambungan dari muka 3).

# Program sesuai seisi keluarga







"Sambutan agak memberangsangkan pada hujung minggu, jika pada hari bekerja pengunjung agak kurang dan keadaan trafik juga tidak terlalu sesak.

"Penganjuran pesta Pulau Pinang dilihat dapat merancakkan lagi ekonomi tempatan dengan peningkatan kehadiran pelancong dari luar (negara) sepanjang pesta berlangsung," jelasnya yang merupakan petugas di kaunter tiket.

Bagi **SAIFUL NIZAM HASAN**, Pesta Pulau Pinang menyediakan banyak aktiviti kekeluargaan dan sesuai dijadikan tempat menghabiskan masa berkualiti bersama-sama ahli keluarga.

"Pada pendapat saya, (pesta) sentiasa meriah dan sering dikunjungi orang ramai untuk meluangkan masa bersama-sama keluarga, rakan dan sebagainya.

"Keluarga saya memilih untuk datang ke sini kerana sesuai sebagai tempat untuk meluangkan masa bersama dengan melakukan pelbagai aktiviti yang sesuai bagi semua peringkat umur," ujarnya yang merupakan anak jati Pulau Pinang.

**SITI NURAISHAH HARON** berkata, dia sanggup meredah kesesakan lalu lintas dari Kulim untuk membawa keluarga berkunjung ke Pesta Pulau Pinang.

"Mungkin bagi sesetengah pengunjung, mereka lebih gemar membeli-belah di sini, ditambah pula pada kebiasaan hari terakhir banyak barangan dijual pada harga promosi.

"Bagi saya dan anak-anak, kami lebih gemar bermain permainan lasak di *Euro Fun Park* kerana harga tiket juga masih lagi pada kadar yang berpatutan iaitu RM5 (satu token)," katanya.

**SITI ANISAH AHMAD ZAHARI** dan keluarga turut tidak melepaskan peluang berkunjung ke pesta kerana ingin mencuba kepelbagaian makanan yang tersedia dek telah tular di media sosial.

"Pada hujung minggu, saya dan keluarga akan makan malam di luar, maka pesta menjadi tarikan bagi kami sekeluarga untuk mencuba variasi makanan yang tular.

"Selain itu, banyak juga program yang telah disusun seperti persembahan kebudayaan, pameran, permainan tradisional yang menawarkan pengalaman unik kepada pengunjung.

"Sudah tentu trafik sedikit sesak tetapi saya perhatikan ramai petugas yang sentiasa peka keadaan di jalan, parkir juga senang dan hanya berharga RM5," katanya yang merupakan seorang suri rumah.





# Sekolah Hijau SMK Padang Polo



PROJEK tanaman yang didedahkan kepada para pelajar.

**SEKOLAH** Menengah Kebangsaan (SMK) Padang Polo pernah dinobatkan sebagai johan keseluruhan bagi Anugerah Sekolah Hijau 2024 Peringkat Pulau anjuran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Menurut Setiausaha bagi Jawatankuasa Pelaksana Sekolah Hijau SMK Padang Polo, **NUR KAREENA AQILA MAHDZIR**, Anugerah Sekolah Hijau yang dianjurkan itu merupakan salah satu inisiatif baik dalam menggalakkan pengurusan alam sekitar secara menyeluruh.

"Salah satu tujuan program sebegini diadakan sudah tentu adalah untuk mendidik para pelajar tentang kepentingan menjaga alam sekitar supaya mereka dapat menerapkan sikap ini dalam diri seterusnya kehidupan seharian.

"Malah masa depan kita juga bergantung kepada generasi muda seperti mereka, oleh itu penting untuk mengajar anak-anak kita tentang aspek kepentingan alam sekitar sejak dari bangku sekolah lagi," ujarnya semasa sesi wawancara khas bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar **SITI NURATIKAH RAHMAT** baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Nur Kareena Aqila memberitahu bahawa pertandingan sebegini bukan sahaja berjaya menjadi platform yang amat penting bagi pelajar sekolah untuk meningkatkan kesedaran terhadap cintakan alam sekitar.

Malahan katanya, penganjuran pertandingan itu juga memberi pendedahan awal kepada para pelajar tentang tatacara menjaga alam sekitar.




NUR Kareena Aqila Mahdzir.

"Pelajar-pelajar sekolah rendah mahupun menengah dapat mempelajari kaedah pengasingan sisa di punca dan kitar semula yang betul serta cara mencegah pencemaran alam sekitar," katanya.

Di SMK Padang Polo, jelas Nur Kareena Aqila, mereka turut menjalankan kempen 'Warga Polo Pengguna Bijak' bagi menggalakkan penglibatan pelajar, guru dan ibu bapa dalam menjayakan pengurusan alam sekitar.

"Seramai 129 pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) berserta 123 pelajar arus perdana yang terlibat dengan silibus vokasional tanaman terlibat secara langsung dengan kempen ini.

*(Sambungan di muka 7).*



JUALAN hasil tanaman yang diusahakan.







SABUN daun semambu dan pemegang pen yang dihasilkan daripada barangan kitar semula.

(Sambungan dari muka 6).

# Semai pengurusan alam sekitar




PENGIKTIRAFAN yang diterima.




HASIL seni kreatif menggunakan barangan kitar semula.

"Antara aktiviti yang dijalankan adalah mencuci kereta, mengurus dan mengamalkan gaya hidup berlandaskan hijau, edaran risalah di setiap kelas, pemantauan bil elektrik dan penganjuran kuiz serta gotong-royong setiap bulan.

"Sokongan ibu bapa dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) melalui kempen ini turut dilihat berkesan apabila mereka menjayakannya dengan mematikan enjin semasa menunggu anak dan sama-sama terlibat dengan projek pengasingan sisa organik di sekolah.

"Malah, melalui hasil kempen ini, SMK Padang Polo turut berjaya menghasilkan produk buatan sendiri seperti sabun aloe vera, pemegang pen, jeruk, batu seremban yang laris terjual," jelasnya sambil menyatakan bahawa pelajar PPKI yang melakukan jualan tersebut.

Di samping itu, Nur Kareena Aqila berharap penilaian audit peringkat negeri yang bakal diadakan berjalan dengan lancar dan memperoleh tempat terbaik pada masa akan datang.

"SMK Padang Polo sebelum ini turut memperoleh tempat kedua bagi Anugerah Kecekapan Sumber Asli, serentak itu adalah diharapkan bagi peringkat negeri sekolah kami bakal memperoleh kejayaan juga," katanya menutup bicara.

Difahamkan, sekolah-sekolah yang menduduki tempat pertama, kedua dan ketiga dalam pertandingan tersebut akan mewakili penyertaan bagi pertandingan Anugerah Sekolah Hijau peringkat negeri pula.

# *Kiwanis Sensory Room*

## cakna kebajikan kanak-kanak istimewa

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Hospital Pulau Pinang (HPP) kini mempunyai *Kiwanis Sensory Room* dekat Unit Terapi Cara Kerja, hasil sumbangan daripada pihak *Kiwanis Club of Penang Sentral.*

Sebelum menyempurna acara perasmian kemudahan baharu itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya berharap lebih banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO), badan korporat serta pihak berkepentingan tampil memberi sumbangan bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur di hospital-hospital kerajaan, sekali gus memenuhi keperluan rakyat di negeri ini.

"Saya dimaklumkan bahawa lebih 6,000 pesakit kanak-kanak yang mengunjungi Unit Terapi Cara Kerja di HPP setiap tahun, yang mana majoritinya menerima rawatan bagi perkembangan fizikal serta perkembangan mental serta kognitif seperti autisme dan gangguan hiperaktif kekurangan perhatian (ADHD).

"Ada keperluan memang tidak dapat




KETUA Menteri menyempurnakan majlis perasmian Kiwanis Sensory Room di Unit Terapi Cara Kerja Hospital Pulau Pinang dekat sini baru-baru ini.

dipenuhi tetapi saya bersyukur kerana *Kiwanis Club of Penang Central* melihat sedikit daripada keperluan-keperluan besar ini (iaitu keperluan kemudahan terapi cara lebih berkualiti di HPP).

"Di Pulau Pinang, anda (rakyat) tidak sendirian, (maka) saya amat mengalukan sebarang cadangan dan penambahbaikan daripada semua pihak bagi memastikan semua anak-anak terbela serta mendapat peluang yang sama rata," jelasnya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi dalam majlis berkaitan di sini pada 13 Februari 2025.

Di samping itu, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan menyatakan bahawa pihaknya senantiasa akan menyokong usaha serta perancangan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Dato' Dr. Fazilah Shaik Allaudin dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dan infrastruktur berkaitan sektor perkhidmatan kesihatan awam di Pulau Pinang.

Selain Dr. Fazilah, turut berucap, Presiden Kiwanis, Ir. Dr. Ngoo Seong Boon.

Hadir sama, ADUN Sungai Puyu, Phee Syn Tze; Dr. B. Maheshvar (wakil kepada Pengarah HPP); Mama Kiwanis, Puan Sri Dato' Khir Johari; Gabenor Daerah Kiwanis Malaysia, Olivia Chin dan Dr. Wan Rozita (wakil Ketua Jabatan Rehabilitasi HPP).

# Kelapa Pandan Kampung Perlis
## rasa 'lain dari yang lain'



KELAPA pandan yang dipercayai rasanya 'lain dari yang lain'.



SAIDI Md. Noor sedang mengupas kelapa pandan hasil tanamannya.

KAMPUNG Perlis, Balik Pulau boleh dikatakan antara 'bank tanah' untuk tujuan perladangan yang terkenal di negeri ini.

Pada dekad yang lalu, di sini pernah wujud kawasan perladangan seluas kira-kira 300 ekar, yang diusahakan oleh sekumpulan peladang kelompok.

Walaupun beberapa kawasan di sini pada hari ini seakan-akan terbiar, tetapi masih terdapat perladangan pelbagai tanaman.

Demikian penjelasan **SAIDI MD. NOOR**, 67, kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** semasa ditemu ramah di ladangnya di sini.

"Pernah suatu masa dahulu sebelum aktiviti perladangan kelompok dijalankan di sini, tanah di sini adalah kawasan bendang atau sawah padi setahun sekali.

"Selepas itu, kira-kira 300 ekar tanah di sini diusahakan pula secara perladangan kelompok.

"Namun, pada hari ini, tanah yang diusahakan tidak seluas dahulu atas beberapa sebab (iaitu) pertama, kekangan modal.

"Dan, satu lagi faktor adalah kelompok peladang itu sendiri tidak mampu mengusahakan tanah mereka sampai ada yang terbiar," ujarnya.

Saidi memberitahu bahawa beliau sejak lebih 30 tahun lepas mengusahakan sendiri tanah seluas lima ekar di sini, dengan menanam pelbagai tanaman.

"Selain 'nyok' atau kelapa, saya turut menanam ubi kayu, pokok pisang awak, tebu dan sebagainya di sini.

"Tanahnya begitu subur, campak benih apa pun, bukan sahaja akan hidup, malah hasil tanaman pun rasanya 'lain dari yang lain'.

"Contohnya, kelapa pandan di ladang saya ini, ada beberapa peniaga sanggup datang dari Sungai Petani, Kedah tiap-tiap minggu kerana tak nak putus bekalan kelapa pandan, sebab nak jaga pelanggan tetap mereka.

"Kata mereka, air dan isi kelapa di sini memang 'lain dari yang lain'.

"Rasa kelapa pandan Kampung Perlis di sini pun 'lain dari yang lain' - seperti durian Balik Pulau juga (yang mana) rasanya tak sama kalau benih ditanam di tempat lain.

"Saya syak, kandungan tanah di sini yang 'istimewa', kalau kita korek dalam-dalam tanah di sini, airnya payau dan kecap-kecap masin pun ada," jelasnya.

Bercerita lanjut, Saidi memberitahu terdapat 30 pokok kelapa pandan di ladangnya yang mana mengeluarkan hasil sepanjang tahun.

"Macam saya yang mengusahakan ladang kelapa pandan di sini, banyak dijual kepada kawan-kawan.

"Biasanya tiga minggu sekali, boleh kait atau tuai dah kelapa pandan di ladang ini.

"Kalau tiap-tiap tiga minggu sekali, sepokok boleh menghasilkan 10 biji kelapa pandan, maknanya dalam sebulan saya jual kira-kira 300 biji kelapa pandan dari ladang ini.

"Biasanya pembeli datang sini membeli dan bawa balik (dengan harga) RM2 sebiji.

"Kadang-kadang tak menang tangan untuk memuaskan keinginan kawan-kawan sahaja, sebab permintaan kelapa pandan di sini memang tinggi," ulasnya lanjut.

Walaupun perladangan bercampur termasuk kelapa pandan di sini membawa pulangan berbaloi, Saidi memberitahu bahawa ada cabaran yang lain seperti risiko hasil pertanian dicuri pihak tertentu.

Di samping itu, hasil tanaman kebanyakan peladang kelompok dekat Kampung Perlis, Balik Pulau terdedah kepada makhluk perosak iaitu sekumpulan kera dari kawasan hutan pantai di sini.

"Macam saya memang mengusahakan ladang sendiri, tetapi di sini juga ada ladang dikonktrakkan (iaitu) ada pihak lain datang ke ladang, panjat atau kait sendiri kelapa pandan (dengan harga) RM1.5 sebiji.

"Kebanyakan peladang kelompok yang mengusahakan sendiri tanah mereka, tiap-tiap hari 'turun' sekurang-kurangnya untuk membersihkan ladang.

"Sambil membersihkan ladang, mereka tentu boleh hitung masa untuk menuai hasil tanaman masing-masing, dan boleh kesan kecurian hasil jika terjadi.

"Biasanya tidak payah menangkap pencuri, hanya perlu tunggu pada sebelah malam, mesti berjaya tangkap dalang yang curi hasil tanaman.

"Ancaman lain, adalah kera sampai para peladang terpaksa membiarkan anjing yang tak bertuan berkeliaran di sini bagi mengawal ekosistem makhluk perosak iaitu kera yang kacau ganggu tanaman," katanya.

Mengakhiri bicarawara, Saidi berkata bahawa beliau selaku Pengerusi Peladang Kelompok yang di bawahnya mempunyai kira-kira 60 anggota, percaya bahawa Kampung Perlis, Balik Pulau merupakan hab pertanian yang wajar terus berada dalam radar pelancongan desa Kerajaan Negeri.

Ini kerana, menurutnya, selain kelapa pandan, hasil c lain seperti tebu, mempelam dan pisang yang tumbuh subur di atas tanah di sini rasanya 'lain dari yang lain'.

"Tidak kata kelapa pandan Kampung Perlis Balik Pulau sahaja, rasanya 'lain dari yang lain'.

"Saya pun terkejut apabila tebu yang ditanam di sini pun rasanya 'lain dari yang lain', begitu juga mempelam, pisang awak pun sedap dan rasanya lain.

"Mempelam baka asal di sini pun, apabila dibawa ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) dekat Serdang, Selangor, pernah dapat nombor satu sebab rasanya memang 'lain dari yang lain'," ujar beliau yang boleh dihubungi menerusi nombor telefon 019 - 400 0558.

# Atlet cemerlang Para SUKMA dihargai

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**



**KESELURUHAN barisan atlet Para SUKMA yang membawa pulang pingat diraikan dalam satu majlis ringkas bersama pemberian SKIMAS baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan RM104,000 melalui Skim Insentif Kemenangan Sukan (SKIMAS) kepada barisan atlet para yang melakar kejayaan pada temasya Para Sukan Malaysia (SUKMA) XXI Sarawak tahun lalu.

Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, **DANIEL GOOI ZI SEN** berkata, Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk menyokong atlet para dengan memperkenalkan SKIMAS sejak tahun 2014 sebagai penghargaan kepada atlet yang bertanding pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Insentif ini diberikan kepada para pemenang pingat yang bertanding dalam pelbagai jenis sukan, termasuk renang, olahraga, tenpin boling, memanah, boling padang, angkat berat, badminton dan boccia.

"Sokongan ini adalah bukti komitmen Kerajaan Negeri dalam menghargai usaha atlet-atlet kita yang telah berjuang mengharumkan nama negeri.

"Namun, kejayaan ini bukan hasil usaha atlet semata-mata, sebaliknya ia adalah hasil pengorbanan bersama semua pihak.

"Justeru, kepada jurulatih, pengurus, persatuan sukan dan keluarga para atlet, terima kasih di atas sokongan padu anda.

"Tanpa bimbingan, dorongan dan pengorbanan anda semua, kejayaan ini tidak akan tercapai," ujarnya pada Majlis Penyampaian Hadiah Kemenangan SKIMAS Sukan Para SUKMA XXI Sarawak 2024 dekat Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua dan Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Pulau Pinang, Mozakir Buyong Mokhtar.

Pada Temasya Para SUKMA XXI Sarawak lepas, Pulau Pinang mempertaruhkan 83 atlet, disokong oleh 31 jurulatih, pengurus dan penggerak serta 18 pegawai sokongan.

Atas usaha gigih tersebut, kontinjen Pulau Pinang berjaya meraih sembilan pingat emas, 15 perak dan 19 gangsa.

Salah seorang atlet para badminton, **AMIRAH MOHAMAD ALI**, 37, ketika ditemui meluahkan rasa gembira atas penerimaan insentif SKIMAS selepas penampilan pertamanya di Para SUKMA.

"Ini akan menjadi dorongan kepada saya untuk melakar lebih banyak kejayaan selepas ini walaupun buat pertama kali bertanding dalam Para SUKMA.



**AMIRAH Mohamad Ali.**

"Saya sangat meminati sukan badminton kerana lebih cepat berpeluh berbanding sukan-sukan yang lain," katanya yang berkhidmat di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang.

Bagi Pengurus pasukan badminton para, **MOHD. HASRUL AZMI**, 41, pencapaian satu pingat emas dan dua perak adalah sesuatu yang membanggakan.

Ketiga-kita pingat tersebut hadir menerusi kategori SH6 atau kekurangan fizikal kerdil.

"Sekarang memang kami lebih fokus kepada SH6, kerana acara ini kurang mendapat sambutan, jadi saingan agak kurang.

"Tiada rahsia yang unik daripada pasukan kami, saya cuma mencari jurulatih luar yang serasi dengan pasukan kami.

"Untuk jadual latihan, kami berlatih sebanyak dua kali seminggu iaitu pada hari Sabtu dari pukul 8.30 malam hingga 11 malam di Akademi Badminton Pulau Pinang, Bukit Dumbar dan Ahad pula pukul 10 pagi hingga 12 tengah hari dekat *Sunway Sports Centre Seberang Jaya*," ujar beliau ketika dihubungi.

Menyentuh mengenai komitmen, Mohd. Hasrul berkata beliau melihat semangat tinggi ditunjukkan oleh barisan atlet untuk memasang impian bagi mewakili negara.

"Cuma kita kena faham atlet kurang upaya ini pergerakan mereka agak terbatas, jadi apa-apa pun banyak bergantung kepada waris.

"Sekiranya mereka mahu menjalani latihan intensif mungkin ada kekangan lain, itulah cabaran mengendalikan atlet ini.

"Harapan saya memang mahu lihat mereka semua dipanggil mewakili pasukan kebangsaan tetapi buat masa sekarang cuma seorang sahaja.

"Sebagai usaha menghargai sumbangan mereka, saya juga berharap agar atlet kurang upaya ini dapat diserap sebagai kakitangan awam selepas mereka bersara nanti," ulasnya lanjut yang juga bertugas sebagai Pembantu Operasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mertajam.

Ketokohan Mohd. Hasrul turut terbukti apabila beliau juga merupakan bekas atlet sejak tahun 2006 hingga tahun 2018 dan menggalas tanggungjawab sebagai pengurus pasukan sejak tahun 2017 hingga sekarang.

**DUA atlet di bawah pengurusan Mohd. Hasrul Azmi (kanan sekali) yang membawa pulang pingat perak pada temasya Para SUKMA Sarawak lepas.**



| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 012 - 500 1571 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Rashidi Bin Zinol<br>n21sgachehpk@gmail.com | (T) 04 - 593 2408<br>(F) |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari<br>tanjongbunga@bukitbendera.org | (T) 04 - 818 3866<br>(F) 04 - 262 5952 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai1973@gmail.com | (T) 04 - 826 1898<br>(F) |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Fahmi Zainol<br>fahmizainol@penang.gov.my | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican<br>dsrmpusatkhidmat@gmail.com | (T)<br>(F) |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Syn Tze<br>n07sungaipuyu@gmail.com | (T) 04 - 313 7987<br>(H) 012 - 248 5938 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Chee Yeeh Keen<br>cheeyeehkeen@gmail.com | (T) 018 - 388 6317<br>(F) |

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Kumaran Krishnan @ Calvin<br>bagandalamn09@gmail.com | (T) 04 - 313 1002<br>(F) |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>dapairputih@gmail.com | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Lee Boon Heng<br>leeboonheng24@gmail.com | (T) 011 - 2773 6684 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Woo Sze Zeng<br>joshuawoosz@gmail.com | (H) 016 - 417 2548 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Wong Yuee Harng<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 299 2574<br>(F) |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 016 - 270 6808<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>ongahteong@penang.gov.my | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Tan Hooi Peng<br>n32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) |
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitamdap@gmail.com | (T) 016 - 421 9143<br>(F) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Dato' Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Bukhori Ghazali | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Mohd Sobri Salleh | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhammad Fauzi Yusoff | (T) |
